



Dr Adham bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UPM, Prof Datuk Dr Zulkifli Idrus (kanan) pada majlis melancarkan Buku COVID-19 di HPUPM, Serdang, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

Syor boleh rentas negeri selepas dos kedua diperincikan

Inisiatif mampu galak orang ramai daftar program imunisasi

Oleh Ahmad Suhael Adnan, Fahmy A Rosli dan Zuhainy Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan supaya mereka yang sudah melengkapkan dos kedua suntikan vaksin dibenar merentas negeri, akan dibincang secara terperinci pada mesyuarat khas Majlis Keselamatan Negara (MKN), minggu depan.

Pada masa sama, kenyataan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung kelebihan itu dilihat boleh menjadi penggalak orang ramai mendaftar dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata belum ada perbincangan menyeluruh membabitkan kebenaran merentas negeri dan negara bagi pihak yang melengkapkan dua dos suntikan vaksin.

"Saya rasa mungkin ramai akan mendaftar (menerima) vaksin jika begitu (kebenaran merentas negeri dan negara) kerana sekarang ini ramai yang mengambil pendekatan tunggu dan lihat.

"Kalau boleh (merentas negeri selepas suntikan vaksin dos ke-

dua), ramai yang akan mendaftar," katanya pada sidang media selepas majlis penamaan Kendaraan Perisai Mobiliti Tinggi 4x4 (HMAV4x4) pertama Malaysia di Wisma Perwira Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, di sini, semalam.

Kelmarin, Muhyiddin dilaporkan berkata, individu yang sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin COVID-19 mungkin dibenar merentas negeri dan luar negara.

Di **Serdang**, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata cadangan membenarkan penerima dos lengkap vaksin COVID-19 merentas negeri dan negara, disokong oleh dapatan kajian institusi kesihatan antarabangsa.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang meneliti dapatan terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat (AS).

Berdasarkan data CDC, Dr Adham berpandangan cadangan itu wajar dilaksanakan kerana boleh menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19.

"Ada data CDC yang menunjukkan selepas dua atau tiga minggu individu menerima dos kedua vaksin, mereka dilindungi daripada jangkitan," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Buku COVID-19 di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) di sini, semalam.

Dr Adham berkata, dapatan CDC itu bukan bermakna pene-

rima vaksin kebal sepenuhnya daripada COVID-19, namun mereka dilindungi daripada wabak berkekaan.

Katanya, vaksin bertujuan mengurangkan risiko individu dijangkiti menghidap penyakit serius sehingga tahap tiga, empat atau lima, selain mengurangkan kemungkinan dimasukkan ke hospital.

"Mereka perlu mengamalkan norma baharu dan prosedur operasi standard (SOP) seperti menjaga kebersihan diri, penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka," katanya.

Di **Georgetown**, kerajaan akan mengkaji kemungkinan membatalkan arahan perintah kuarantin wajib terhadap individu yang pulang dari luar negara jika mereka sudah menerima suntikan lengkap vaksin COVID-19.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata perkara itu akan diputuskan berpandukan analisis dan data KKM.

Sehingga kini, katanya, kuarantin wajib dikenakan terhadap individu yang memasuki negara sebagai langkah berjaga-jaga dalam menyekat penularan COVID-19.

"Kita perlu nasihat daripada pakar berhubung keberkesanan vaksin itu sebelum membenarkan individu yang divaksin tidak perlu kuarantin sekiranya pulang dari luar negara," katanya selepas mengadakan lawatan kerja di Pusat Kolaborasi Kejuruteraan Sains dan Teknologi (CREST) Universiti Sains Malaysia (USM) Bukit Jambul, semalam.